

# STPM Kertas 1 2013:

## Soalan 4

- (a) Nyatakan tiga sebab mengapa koperasi diwajibkan membuat peruntukan bagi rizab berkanun. (3 markah)
- (b) Imbangan duga Koperasi UniSatu Berhad pada 30 September 2012 adalah seperti yang berikut:

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Modal saham		100,500
Modal yuran		313,984
Keuntungan terkumpul		64,660
Jualan		702,740
Kos jualan	430,450	
Belanja pentadbiran pejabat	11,800	
Belanja utiliti	8,670	
Belanja mesyuarat agung	7,700	
Gaji dan bonus kakitangan	116,950	
Elaun eksekutif dan mesyuarat lembaga	11,350	
Faedah pinjaman	10,600	
Elaun juruaudit dalam	2,200	
Yuran juruaudit luar	6,300	
Belanja am	28,562	
Pendapatan pelbagai		29,100
Sumbangan diterima		54,300
Sumbangan diberi dan hadiah	9,200	
Aset tetap	526,500	
Peruntukan susut nilai aset tetap (1 Oktober 2011)		105,300
Aset semasa lain	200,600	
Pelaburan dan simpanan jangka pendek	129,000	
Tunai di bank dan di tangan	70,208	
Penghutang perniagaan	57,800	
Peruntukan hutang ragu (30 September 2012)		4,302
Pemiutang perniagaan		57,400
Pinjaman		65,200
Kumpulan Wang Rizab Berkanun		120,204
Tabung kebajikan ahli		44,900
Akaun Rizab Modal		4,200
Kumpulan Wang Penebusan Saham		30,000
Inventori	<u>68,900</u>	
	<u>1,696,790</u>	<u>1,696,790</u>

**Maklumat tambahan**

- (1) Pada 30 September 2012, Koperasi UniSatu Berhad telah membuat peruntukan untuk membayar denda sebanyak RM30,000 kerana melanggar kontrak perjanjian perniagaan.
- (2) Aset tetap disusutnilaikan pada kadar 10% setahun.
- (3) Dividen 10% dan 4% dicadangkan masing-masing atas modal saham dan modal yuran.
- (4) Faedah simpanan terakru ialah RM8,960.
- (5) Peruntukan zakat perniagaan bagi tahun berakhir 30 September 2012 ialah RM1,459.
- (6) Peruntukan kepada tabung kebajikan ahli koperasi ialah 5%.
- (7) Sebanyak 30% daripada pinjaman akan matang dalam tempoh 12 bulan akan datang.
- (8) Peruntukan daripada keuntungan koperasi adalah seperti yang berikut:
  - (a) 12% kepada rizab berkanun
  - (b) 2% kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan
  - (c) 1% kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan
  - (d) 9.5% sebagai honorarium lembaga pengarah

Dikehendaki:

Sediakan, bagi Koperasi UniSatu Berhad,

- (i) Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 30 September 2012, (6 markah)
- (ii) Penyata pembahagian untung rugi bagi tahun berakhir 30 September 2012, (5 markah)
- (iii) Kunci kira-kira pada 30 September 2012. (6 markah)